

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

# Penjualan secara dalam talian masih berterusan

**Promosi air zamzam menerusi akaun peribadi, laman sosial, platform e-dagang**

Oleh Nor Azizah Mokhtar, Mahani Ishak dan Nur Izzati Mohamad  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penjualan air zamzam secara dalam talian di negara ini masih berterusan walaupun penguatkuasaan larangan membawa masuk dan menjual air mineral semula jadi dari Makkah itu sudah dilaksanakan sejak 2012 lagi.

Semakan *BH* semalam mendapati masih ada pihak menawarkan air zamzam kepada orang ramai menerusi laman Facebook dan Instagram, selain platform e-dagang dengan harga antara RM80 hingga RM100 un-

tuk 2 liter, 5 liter (RM130-RM165) dan 10 liter (RM200-RM260).

Ada juga air zamzam dijual dalam botol kecil berkapasiti 250 mililiter (ml), 330 ml, 500 ml hingga 1.5 liter pada harga antara RM20 hingga RM70. Rata-rata penjual mendakwa produk berkenaan adalah tulen dari telaga zamzam di Makkah.

Di laman Facebook, kebanyakan penjual didapati mempromosi penjualan air zamzam menerusi akaun peribadi dan menyediakan nombor telefon bimbit masing-masing bagi membolehkan pelanggan menghubungi melalui aplikasi WhatsApp.

Promosi penjualan air dari Tanah Suci itu juga tidak ketinggalan dipromosikan menerusi Instagram, selain platform e-dagang terkemuka di negara ini.

Penjual yang mengiklankan air zamzam untuk dijual di platform e-dagang, ketika dihubungi *BH*, cuba meyakinkan bahawa produk jualanannya itu tulen dari Makkah, namun mengakui air zamzam memang tidak dibenarkan dibawa masuk dan dijual di negara ini.



Antara iklan penjualan air zamzam secara dalam talian.

"Insya-Allah tiada air zamzam yang tipu (tidak tulen). Walaupun cara ia dibawa masuk ke negara ini menjadi persoalan kerana tidak dibenarkan oleh kerajaan, produk ini tetap air zamzam tulen. Cara dibawa masuk mungkin salah, namun ia tetap air zamzam yang tulen.

"Pembeli boleh bezakan pro-

duk yang tulen dan tiruan apabila meminumnya sendiri," dakwanya.

Penjual lain yang dihubungi memaklumkan, kebanyakan air zamzam yang dijual kini adalah dalam botol 5 liter kerana stok semakin sukar diperoleh bagi isi padu 10 liter.

"Ramai mencari air zamzam

## Air zamzam tak boleh dijual di Malaysia



Keratan akhbar *BH*, semalam.

untuk kegunaan sendiri, antaranya bagi penjagaan kesihatan dan ada juga guna sebagai ubatan alternatif, termasuk bagi penyakit kronik. Ada penjual boleh buat penghantaran terus kepada pelanggan, kami boleh hantar secara terus atau penghantaran pos," katanya.

Kelmarin, Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) mengesahkan tiada pender atau syarikat di Malaysia yang diberikan lesen import dan penjualan air zamzam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, dipetik berkata pengimportan air mineral semula jadi memerlukan lesen punca air KKM selepas mendapat dokumen pengesahan pihak berkuasa geologi dan hidrologi dari negara pengeksporth.

Beliau memaklumkan, air zamzam dikategorikan sebagai air mineral semula jadi dan termaktub di bawah Peraturan 360A, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.